

**TEKS UCAPAN
YBHG. DATUK SERI DR. ABDUL FATTAH
ABDULLAH
PRESIDEN ANGKASA**

**PERASMIAN MESYUARAT AGUNG
TAHUNAN
KALI KE-12 KOPERASI PANEL KESIHATAN
SELANGOR BERHAD**

**28 JUN 2026, JAM 2.30 PETANG
KELAB SHAH ALAM**

Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh,
Salam Sejahtera, Salam Malaysia MADANI
dan Salam Koperasi

[SALUTASI DISEDIAKAN OLEH PENGANJUR]

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, kita dapat bersama-sama hadir ke **Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke-12 Koperasi Panel Kesihatan Selangor Berhad** dalam suasana penuh muhibah dan semangat kekeluargaan.

2. Terlebih dahulu, setinggi – tinggi ucapan **tahniah dan penghargaan kepada seluruh barisan kepimpinan serta anggota Koperasi Panel Kesihatan Selangor Berhad** atas komitmen dan kesungguhan dalam memastikan koperasi ini terus bergerak

maju demi kesejahteraan
anggotanya.

Hadirin yang dihormati sekalian,

3. **Koperasi Panel Kesihatan Selangor Berhad** yang ditubuhkan pada tahun **2014** dan dianggotai oleh seramai **60** orang yang terdiri daripada **Pengerusi** serta **Ahli Jawatankuasa Panel Penasihat Klinik Kesihatan Negeri Selangor** merupakan satu inisiatif yang amat signifikan. Penubuhan koperasi ini jelas membuktikan bahawa warga kesihatan bukan sahaja komited dalam memberikan perkhidmatan kepada masyarakat, malah turut

berusaha memperkuatkan kebajikan dan kesejahteraan anggota melalui wadah koperasi.

4. Saya difahamkan, antara **matlamat utama** penubuhan koperasi ini adalah untuk menjana sumber pendapatan tambahan bagi **membantu pelaksanaan pelbagai aktiviti melibatkan Panel Klinik Kesihatan di seluruh Negeri Selangor**. Ini adalah satu usaha murni dan bertepatan dengan prinsip koperasi yang menekankan kerjasama, saling membantu dan perkongsian manfaat sesama anggota.

Saudara dan saudari sekalian,

5. Dalam dunia perniagaan yang semakin mencabar dan kompetitif pada hari ini, **kepelbagaian sumber pendapatan merupakan antara faktor penting** dalam menentukan **kelangsungan serta daya tahan sesebuah organisasi.** Saya dimaklumkan bahawa **Koperasi Panel Kesihatan Selangor Berhad** telah melaksanakan pelbagai **aktiviti perniagaan** yang berkait rapat dengan **sektor kesihatan termasuk bertindak sebagai pembekal kepada institusi-institusi berkaitan.** Pada masa yang sama, koperasi ini turut berani

meneroka bidang-bidang lain di luar sektor terasnya seperti pertanian dan perkhidmatan. Pendekatan ini jelas memperlihatkan kesungguhan dan komitmen kepimpinan koperasi dalam mengenal pasti peluang-peluang baharu yang mampu menjana nilai tambah serta manfaat kepada seluruh anggota.

6. Saya dimaklumkan, antara **inisiatif yang pernah dilaksanakan** termasuklah pengusahaan **ladang ubi kayu di Hulu Selangor** serta **penyediaan perkhidmatan dobi** yang menawarkan perkhidmatan cucian bagi cadar, sarung bantal dan selimut

yang digunakan oleh hospital dan hotel. Saya melihat usaha-usaha ini sebagai satu langkah yang **amat positif dan wajar diberikan penghargaan.**

Walaupun bidang-bidang yang diterokai ini mungkin di luar lingkungan kepakaran asal sebahagian besar anggotanya, namun keberanian untuk mencuba, kesediaan untuk mengambil risiko yang terancang serta keazaman untuk terus berkembang merupakan ciri-ciri penting yang perlu ada dalam sesebuah koperasi yang ingin maju dan kekal relevan.

7. Hakikatnya, landskap ekonomi dan perniagaan sentiasa berubah. Oleh itu, **koperasi tidak boleh hanya**

bergantung kepada satu model perniagaan semata-mata. Sebaliknya, koperasi perlu sentiasa bersedia untuk beradaptasi, meneroka peluang baharu, membina jaringan strategik serta memanfaatkan kekuatan kolektif yang dimiliki oleh anggota. Saya percaya semangat kental, daya tahan dan keberanian yang ditunjukkan oleh Koperasi Panel Kesihatan Selangor Berhad sepanjang tempoh penubuhannya merupakan satu kekuatan yang amat berharga.

8. Sesungguhnya, setiap pengalaman yang dilalui, sama ada yang membuahkan kejayaan mahupun yang kurang mencapai sasaran yang

diharapkan, merupakan proses pembelajaran yang akan memematangkan sesebuah organisasi. Apa yang lebih penting ialah semangat untuk terus bangkit, memperbaiki kelemahan, menilai semula strategi dan terus melangkah ke hadapan. Saya yakin, dengan komitmen Ahli Lembaga Koperasi serta sokongan padu daripada seluruh anggota, koperasi ini berupaya untuk terus berkembang dan mencipta lebih banyak kejayaan pada masa hadapan.

Hadirin sekalian,

9. Saya juga amat tertarik dengan **perancangan masa hadapan** yang sedang diteroka oleh Koperasi Panel Kesihatan Selangor Berhad. Antaranya termasuk **cadangan pembangunan Medical Eco Tourism yang melibatkan kerjasama antara Malaysia dan Indonesia, di samping penerokaan kerjasama dalam bidang Terapi Sel Stem bersama pusat perubatan di Thailand.** Inisiatif-inisiatif seperti ini memperlihatkan kesediaan koperasi untuk bergerak seiring dengan perkembangan semasa industri kesihatan serta meneroka peluang-peluang baharu yang mempunyai nilai

tambah dan potensi pertumbuhan yang tinggi.

10. Saya juga melihat pendekatan ini sebagai satu langkah yang amat positif kerana landskap perniagaan masa kini menuntut koperasi untuk sentiasa berfikiran terbuka, berani berinovasi dan bersedia meneroka sektor-sektor baharu yang mampu memberikan pulangan mampan kepada anggota. Koperasi tidak boleh hanya berpuas hati dengan pencapaian sedia ada, sebaliknya perlu sentiasa mencari ruang dan peluang untuk memperluaskan skop perniagaan agar terus kekal relevan dan berdaya saing.

11. Dalam era ekonomi yang semakin mencabar dan dipengaruhi oleh perkembangan teknologi, perubahan demografi serta keperluan pasaran yang sentiasa berubah, koperasi perlu bergerak dengan lebih strategik. Ini termasuk **memanfaatkan teknologi digital, memperkuat jaringan kerjasama strategik, membina ekosistem perniagaan yang mampan serta meneroka model perniagaan baharu** yang selari dengan keperluan masa hadapan.

12. Saya yakin, sekiranya semangat untuk terus berinovasi dan meneroka

peluang baharu ini dapat diteruskan, Koperasi Panel Kesihatan Selangor Berhad bukan sahaja mampu memperkukuh kedudukan ekonominya, malah berpotensi menjadi antara koperasi contoh dalam sektor kesihatan yang boleh dijadikan inspirasi kepada koperasi-koperasi lain di negara ini.

Saudara dan saudari yang saya hormati,

13. Dikesempatan ini, saya mengambil kesempatan untuk menyeru kepada Ahli Lembaga Koperasi dan seluruh anggota agar melihat koperasi bukan sekadar sebagai sebuah organisasi, tetapi sebagai platform untuk

meningkatkan taraf ekonomi dan kesejahteraan anggota.

14. Kekuatan sebenar koperasi terletak pada penglibatan aktif anggotanya. Sekiranya setiap anggota memainkan peranan dengan penuh tanggungjawab, menyumbang idea, menyokong aktiviti dan menggunakan produk serta perkhidmatan koperasi, saya yakin koperasi ini mampu berkembang dengan lebih cemerlang pada masa hadapan.

Saudara dan saudari yang saya hormati sekalian,

15. Sebagai **badan apeks gerakan koperasi negara, ANGKASA** sentiasa memainkan **peranan sebagai penggerak dan pemangkin kepada pembangunan koperasi di negara ini.** Melalui pelbagai **program pembangunan kapasiti, latihan, khidmat nasihat, pepadanan perniagaan serta jaringan kerjasama strategik,** ANGKASA komited untuk memastikan koperasi-koperasi anggota sentiasa bersedia menghadapi perubahan, merebut peluang baharu dan melonjakkan prestasi perniagaan ke tahap yang lebih tinggi.

16. ANGKASA percaya bahawa masa depan gerakan koperasi bergantung kepada keupayaan kita untuk berubah, menyesuaikan diri dan berani meneroka ruang-ruang pertumbuhan baharu. Justeru, saya ingin menyeru kepada seluruh Ahli Lembaga Koperasi dan anggota Koperasi Panel Kesihatan Selangor Berhad agar terus memperkukuh semangat kerjasama, meningkatkan kompetensi, mengamalkan tadbir urus yang baik serta sentiasa bersedia untuk meneroka peluang-peluang baharu demi kelangsungan dan kemajuan koperasi.

17. Saya percaya, dengan pengalaman dan komitmen berterusan daripada Ahli Lembaga Koperasi serta sokongan padu seluruh anggota untuk terus meneroka bidang-bidang baharu, Koperasi Panel Kesihatan Selangor Berhad berada pada landasan yang tepat untuk terus berkembang dan melakar lebih banyak kejayaan pada masa hadapan.

18. Akhir kata, saya sekali lagi mengucapkan tahniah kepada Koperasi Panel Kesihatan Selangor Berhad atas segala usaha dan pencapaian yang telah dilaksanakan selama ini. Saya mendoakan agar

koperasi ini terus berkembang maju, berjaya merealisasikan segala perancangan yang telah disusun serta terus memberikan manfaat yang berterusan kepada seluruh anggotanya.

19. Dengan lafaz **Bismillahirrahmanirrahim**, saya dengan sukacitanya merasmikan **Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke-12 Koperasi Panel Kesihatan Selangor Berhad** pada hari ini.

Sekian, wabillahi taufik walhidayah.

Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.